

'Bukti pemimpin Pas bohong'

BH 2 3 SEP 2000

Oeh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Johari Ibrahim

BUKIT KAYU HITAM, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, isu bekalan air di Kelantan membuktikan pemimpin Pas berbohong apabila mendakwa kononnya mana-mana kerajaan yang dipilih, boleh menyediakan pembangunan untuk rakyat.

"Orang Pas kata kerajaan mana pun akan tolong dan membangunkan negara. Tetapi di Kelantan, bekalan air untuk rakyat cukup buruk sehingga minta pinjaman sebanyak RM600 juta daripada kita (Kerajaan Persekutuan).

"Mereka juga minta bina jalan dan jambatan. Awak (Pas) dah kerajaan...awak kata kerajaan- manapun boleh...sekarang buatlah," kata Dr Mahathir di Majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri di Ladang Rakyat Laka Temin di sini hari ini.

Ladang berhampiran

"Saya cabar Pas buktikan apa yang dia buat baik untuk orang Islam, selain melemparkan fitnah terhadap BN dan pemimpinnya serta memecahbelahkan umat.

"la berbeza dengan kerajaan BN yang menyediakan pelbagai kemudahan asas, pendidikan dan pembangunan untuk rakyat serta menubuhkan bank dan insurans Islam," katanya.

bandar sempadan Bukit Kayu Hitam itu terletak dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu yang diwakili Perdana Menteri.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, Pas yang mendakwa parti yang memperjuangkan Islam sebenarnya tidak mampu

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, kerajaan BN masih belum berpuas hati dengan pelbagai pembangunan yang disediakan, malah terus berusaha membangunkan rakyat termasuk membawa masuk industri teknologi tinggi di kawasan luar bandar.

Beliau merujuk kepada pembinaan kilang pengeluaran komponen sayap kapal terbang yang se-

“

Pas yang mendakwa parti yang memperjuangkan Islam sebenarnya tidak mampu menyediakan pembangunan untuk rakyat di Kelantan dan Terengganu, seperti pembangunan di negeri yang diperintah kerajaan BN

”

— DR MAHATHIR MOHAMAD

menyediakan pembangunan untuk rakyat di Kelantan dan Terengganu, seperti pembangunan di negeri yang diperintah kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Ini menunjukkan bahawa bukan semua kerajaan mampu memberi rakyat kemudahan dan pembangunan seperti yang kita bagi kepada negeri BN.

dang dibangunkan oleh syarikat Boeing di Bukit Kayu Hitam.

Selain itu, rakyat akan terus diberi kemudahan pendidikan supaya mampu bersaing dan mengubah kehidupan keluarga ke arah lebih cemerlang dan berkualiti.

Perdana Menteri juga menasihatkan rakyat tidak terpengaruh dengan dakwah Pas yang memutarbelitkan agama sehing-

ga sanggup menghina Islam serta mendakwa kononnya parti itu adalah parti Islam dan Nabi Muhammad sebagai presiden pertama Pas.

Beliau meminta rakyat terus bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada mereka yang membangunkan negara serta pasukan keselamatan yang sanggup menggalang nyawa menjaga keselamatan negara.